

Pusat khidmat ADUN Sri Muda diserbu polis
Malaysiakini.com
January 15 2011

Polis mengesahkan telah mengambil beberapa peralatan komputer dari Pusat Khidmat ADUN Sri Muda, Shuhaimi Shafiei di Kota Kemuning di Shah Alam semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor SAC Mohd Adnan Abdullah ketika dihubungi hari ini berkata pihaknya mengambil peralatan itu bagi tujuan siasatan berhubung tuduhan Shuhaimi menghina Sultan Selangor menerusi laman blognya baru-baru ini.

"Ya, kita ada pergi ke pusat khidmat ADUN itu, tengah hari semalam. Tujuan kita ambil peralatan komputer untuk dianalisa bagi membantu siasatan kes. Kita yakin kes ini akan selesai dengan cepat dan bagilah sedikit masa kepada kami," katanya.

Menurut akhbar Sinar Harian hari ini, polis menyerbu pusat khidmat itu dan merampas peralatan komputer milik beliau.

Serbuan jam 11.30 pagi semalam dilakukan oleh sekumpulan anggota polis dari ibu pejabat kontinjen (IPK) Selangor.

"Polis merampas satu unit pemprosesan pusat (CPU), monitor, papan kekunci dan beberapa kad nama. Mereka cadang hendak ambil semua, saya kata tidak boleh sebab aduan ke atas saya. Jadi ambil komputer sayalah. Saya tidak tahu apa yang diambil tetapi saya berharap mereka bertindak dengan profesional, fokus kepada isu yang berbangkit," kata Shuhaimi.

Menurutnya, serbuan berkenaan tidak disertakan waran, tetapi beliau memberikan kerjasama penuh kerana merasakan pegawai polis yang ditugaskan juga bekerja di bawah tekanan dan arahan tertentu.

Beliau berkata beliau diberitahu petugas pejabat, polis akan datang pada 11.30 pagi mencari komputer yang dikatakan digunakan untuk memuat naik bahan seperti mana yang dibuat dalam aduan polis ke atasnya.

Profesional

"Polis tidak hubungi saya tetapi hubungi pejabat saya. Inilah tindakan yang kita katakan tidak sepatutnya berlaku. Kalau saya yang disiasat, maklumkan kepada saya kita akan memberikan kerjasama penuh. Kita minta polis juga profesional," katanya.

Beliau berkata, serbuan dilakukan oleh 13 anggota polis dari unit Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) termasuk anggota yang berkawal di pintu pejabat serta tiga CSI.

Dalam pada itu katanya, sehingga kini tiada perkembangan lanjut berhubung kenyataan yang dikeluarkan melainkan rampasan komputer milik beliau.

Shuhaimi juga akan mempertimbangkan dengan serius untuk menyaman Utusan Malaysia dan Awang Selamat.

"Saya minta polis segera menyiasat Awang Selamat yang memfitnah dan memutarbelitkan

kenyataan, mengambil separuh daripada artikel yang ada di Internet, menggunakan itu untuk menimbulkan keadaan seolah-olah saya menderhaka (kepada sultan)," katanya.

Menurut Shuhaimi, walaupun akhbar tersebut lidah rasmi Umno, Utusan seharusnya lebih beretika dalam mengeluarkan pandangan supaya apa yang disiarkan boleh menyedarkan masyarakat dan memberikan manfaat bukan memburukkan keadaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153485>